

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 10 JUN 2015

RUJUKAN : 7941

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan dan polis untuk menyiasat dakwaan-dakwaan terkini oleh Kpl Sirul Azhar bahawa beliau diarahkan untuk membunuh Altantuya Shaariibuu dan identiti individu yang memberi arahan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Isu Koperal Sirul Azhar telah mendapat liputan yang meluas bukan sahaja di Malaysia bahkan di luar Negara. Setakat ini, isu yang ditimbulkan telah diambil tindakan oleh polis semasa proses siasatan dijalankan ke atas mereka dan tidak wujud suspek yang lain selain daripada mereka yang dituduh di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Semasa perbicaraan, Sirul diberikan hak oleh Mahkamah untuk membuat pembelaan dan beliau telah membuat pilihan untuk memberikan keterangan dalam kandang tertuduh. Semasa pembelaan tersebut, beliau tidak menyatakan atau menamakan penglibatan pihak lain yang terlibat.

Manakala semasa rayuan di Mahkamah Rayuan, beliau telah dibebaskan bersama sama Inspektor Azila. Semasa tempoh beliau dibebaskan, tiada apa apa isu yang dibangkitkan mengenai penglibatan pihak lain dalam kes ini.

Begitu juga semasa rayuan di Mahkamah Persekutuan, tiada isu baru atau keterangan baru yang dikemukakan oleh beliau. Dalam rayuan tersebut, Mahkamah Persekutuan telah mengekalkan sabitan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

Setakat ini tiada maklumat baru yang didedahkan untuk siasatan baru dimulakan. Sehubungan dengan itu, pihak polis tidak

bercadang untuk membuat siasatan lanjut memandangkan segala keterangan dan bukti telah dikemukakan semasa perbicaraan berlangsung.

Sekiranya ada perkembangan atau maklumat baru yang dikeluarkan, pihak PDRM bersedia meneruskan siasatan.